

Headline **Kempen kesihatan di Masjid Negara**
Date **25 Jul 2009**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **168**

Language **Malay**
Page No **S14**
Article Size **42 cm²**
Color **Black/white**
PRValue **504**



Kempen kesihatan di Masjid Negara

JALAN PERDANA – Bersempena dengan sambutan Hari Pahlawan, Masjid Negara akan mengadakan Kempen Derma Darah dan Pameran Pendidikan Kesihatan pada 31 Julai ini.

Jurucakap Masjid Negara berkata, program berkenaan akan bermula daripada jam 10 sehingga 4 petang di Anjung Makam Pahlawan, Masjid Negara, di sini.

Menurutnya, program itu dianjurkan dengan

kerjasama Pusat Darah Negara, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Ibu Pejabat Polis Kuala Lumpur, Kementerian Pertahanan Malaysia dan Persatuan Diabetes Malaysia, Majlis Aids Malaysia.

“Orang ramai dijemput hadir bersama-sama menderma darah di samping berpeluang untuk menambah ilmu pengetahuan melalui Pameran Pendidikan Kesihatan yang turut diadakan nanti.” katanya.